



Ruj Kami : JPA/PEN/144/36 Jld.2 (2)

Tarikh : **31** Oktober 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan/Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Dr/Tuan/Puan,

**TANGGUNGJAWAB MENYELESAIKAN HUTANG KEPADA
KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas. Surat Jabatan ini bil(1) dalam siri yang sama bertarikh 17 Oktober 2016 adalah dibatalkan.

2. Surat edaran ini menjelaskan tanggungjawab menyelesaikan hutang kepada Kerajaan melalui potongan daripada faedah persaraan yang diberi di bawah Akta Pencen 1980 (Akta 227) atau Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan (Akta 239).

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG BERKUATKUASA

3. Peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan surat edaran ini ialah Seksyen 19, Akta 227 atau Seksyen 21, Akta 239 yang keduanya menyatakan "Apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah yang diberi di bawah Akta ini tidak boleh diserahkan atau dipindahmilik, atau ditahan, diasingkan atau dilevi mengenai sesuatu tuntutan kecuali bagi maksud:- (a) menjelaskan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan, atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu Pihak berkuasa Berkanun atau Tempatan."

TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM

4. Semua penjawat awam bertanggungjawab untuk menyelesaikan hutang piutang kepada Kerajaan sebelum persaraan daripada perkhidmatan awam.

5. Walau bagaimanapun, bagi pinjaman perumahan, cara bayaran balik baki pinjaman perumahan dan kadar potongan baginya adalah berasaskan persetujuan bersama dalam perjanjian pinjaman dengan Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP)/ Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) atau agensi-agensi lain yang memberi pinjaman. Jabatan ini akan mematuhi arahan daripada agensi yang memberi pinjaman berasaskan peruntukan di dalam perjanjian dan tidak akan membuat sebarang perubahan kepada arahan tersebut.

TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

6. Bahagian/unit yang menguruskan sumber manusia (PSM) dan persaraan di semua agensi hendaklah memastikan semua hutang

kepada Kerajaan dicatat dengan lengkap dan tepat pada Sijil Akuan Berhutang (SAB) sebelum menghantar permohonan persaraan untuk dipotong daripada faedah persaraan anggotanya. Dalam hal ini, arahan di atas apabila dipatuhi akan membantu Kementerian/Jabatan mengurangkan akaun belum terima (ABT).

PENUTUP

7. Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi :

(a) Unit Belanjawan dan Audit Kewangan

Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA

03-8885 4533/ 4538

(u.p: Puan Halizatul Safizah Abdul Semat/ Puan Nor Azizah Abdul Aziz) ; atau

(b) Seksyen Akaun dan Pelaporan (*Accounts and Reporting*)


Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

03-8887 8777 (talian umum) atau 03-8887 8696/ 8692/ 8681/ 8680

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK YEOW CHIN KIONG)

Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.